

SOALAN NO. 29**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) boleh memastikan Pilihanraya Umum yang akan datang adalah bersih, bebas dan adil yang mengkehendaki semua parti politik dan calon-calon mereka berpegang kepada prinsip kebenaran, integriti, akauntabiliti dan berkelakuan etika.

57

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan penjalanan pilihan raya, pendaftaran pemilih dan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya seperti mana yang telah diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan perkara ini, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh SPR dalam memastikan sesuatu Pilihan Raya Umum/ Pilihan Raya Kecil dilaksanakan dengan penuh integriti. Justeru, bagi menjamin matlamat tersebut tercapai, semua pihak termasuk parti politik dan calon yang bertanding hendaklah melaksanakan setiap perkara mengikut ketetapan undang-undang dan peraturan sedia ada semasa pilihan raya.

Selain itu, SPR juga sentiasa mengkaji kesesuaian dalam melaksanakan usaha penambahbaikan khususnya berkaitan pengurusan dan operasinya bagi memastikan fungsi-fungsi utama SPR dilaksanakan dengan lebih telus, berintegriti dan efektif. Walau bagaimanapun, sebarang usaha tersebut hendaklah berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan lunas sistem demokrasi negara.

Sekian, terima kasih.